



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 26 BILANGAN 18

RABU 6HB MEI, 1981.

رايو 2 جمادي الاخير 1401

PERCHUMA

J/K KERJA SAMBUT KEMERDEKAAN 1983 DI-TUBOHKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah memperkenankan penubuhan sa-buah jawatankuasa bagi menyambut hari kemerdekaan negeri ini pada tahun 1983.

Jawatankuasa itu telah bersidang pada hari Ahad lepas 2hb Mei bertempat di-Mess Pegawai Pasokan Pulis Diraja Brunei, Gadong dengan di-pengerusi-kan oleh YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa tersebut.

Jawatankuasa tersebut di-namakan sa-bagai Jawatankuasa Kerja Bagi Menyambut Kemerdekaan Negeri Brunei 1983 yang ahli2-nya terdiri dari orang2 kenamaan, dan beberapa orang ketua2 jabatan kerajaan, dan wakil2 dari Jabatan Adat Istiadat, Pegawai Pentadbir Kanan Perkhidmatan2 Diplomatik serta wakil Majlis Belia2 Negeri Brunei.

TITAH

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memperkenankan pembentokan jawatankuasa tersebut telah menitahkan supaya:

"Mengemukakan cadangan2 serta sokongan2 pada membuat segala persiapan2 untuk menyambut Hari Kemerdekaan dengan

Lihat muka 20

13 sertai peraduan menulis novel DBP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerima 13 buah manuskrip novel untuk menyertai Peraduan Menulis Novel Sempena Tahun Hijrah 1400 yang tarikh penyertaan-nya telah di-tutup pada 30hb Mei lepas.

Penyertaan peraduan itu telah di-buka mulai 11hb Mei, 1980.

Juruchakap Jawatankuasa Peraduan itu mensifatkan jumlah penyertaan tersebut sa-bagai amat menggalakkan. Menurut-nya, di-samping penulis2 Melayu terdapat juga penulis Tionghua.

Satu proses penghakiman akan segera di-selenggarakan dan DBP berharap akan dapat mengumumkan keputusan peraduan itu dalam bulan Oktober ini.

Di-samping melaksanakan peraduan itu, DBP juga sedang giat mengusahakan untuk menerbitkan beberapa buah novel yang di-hasilkan oleh penulis2 tempatan dan luar negeri.

"Darah Kedayan," sa-buah novel yang terkenal sa-lepas perang dan di-hasilkan oleh Harun Aminurrashid akan juga di-terbitkan semula oleh DBP sa-bagai edisi Brunei. (Berita lanjut di-muka 3).



AHLI2 JAWATANKUASA KERJA sambutan hari kemerdekaan 1983 dan pegawai2 yang bertugas bagi jawatankuasa itu yang telah bersidang pada hari Ahad lepas bergambar rarnai di-hadapan bangunan Mess Pegawai Pulis, di-Gadong.

SAMBUT KEMERDEKAAN NEGERI BRUNEI BERLANDASKAN UNSOR2 UGAMA ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan Brunei dalam taklimat pertama-nya selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja bagi Menyambut Kemerdekaan Negeri Brunei dalam akhir, 1983, telah membentangkan garis2 penting yang mesti di-ambil ingatan oleh semua yang terlibat dalam sambutan2 perayaan yang bersejarah itu nanti.

Yang Berhormat itu menggariskan bahawa dalam atorchara2 dan menyediakan persiapan2 untuk menyambut Hari Kemerdekaan itu ada-lah sa-wajar-nya berlandaskan unsor2 keugamaan Islam seperti yang di-anuti dalam Negeri Brunei dan adat istiadat serta kebudayaan negara.

Yang Berhormat itu menjelaskan lagi bahawa jawatankuasa kerja yang baru di-tubuhkan itu adalah terta'alok kepada arahan2 dari Jawatankuasa Tertinggi.


Lihat muka 20



KELIHATAN Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Brunei, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, (Pengerusi Jawatankuasa Kerja Sambutan Kemerdekaan Negeri Brunei, 1983) sedang menyampaikan ucapan-nya dalam taklimat pertama Jawatankuasa Kerja sambutan tersebut. Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria (di-sebelah kiri) di-lantek menjadi Setiausaha; Pegawai Pentadbir Kanan di-Jabatan SUK, Awang Sidek bin Yahya di-lantek menjadi Penolong Setiausaha (No. 2 dari kanan) dan Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin (di-kanan sekali).

Manis-nya Iman

"SESUNGGUH-NYA bagi tiap2 umat itu ada fitnah (chuba'an), dan fitnah umat ku ia-lah Harta." — Hadith Nabi riwayat At-Tarmizi dari Ka'ab bin 'Yadh.



LAWATAN DYMM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lawatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan Awam, muka 4 dan 5.

Rentas desa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlumbaan rentas desa an-tara Persatuan Sokan Am-Brunei yang terbuka kapad- badan2 sokan di-seluruh- ngeri dan di-jadualkan ber-langsung pada 1hb Mei lalu- telah di-tangguhkan kapada- 15hb Mei. depan. Waktu dan- tempat perlumbaan tidak- berubah.

Siri lawatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu siri ranchangan lawa- tan ka-mukim2 oleh Peng- ketua2 dan Ketua2 Kampong, Daerah Brunei-Muara telah- diteruskan lagi pada hari- Sabtu lepas.

Steshen terapong

MUARA. — Steshen minyak terapong yang berharga 200,000 dan boleh memba- wa 30,000 gelen minyak akan- ditempatkan di-beberapa ba- gian Sungai Brunei untuk- memulakan perkhidmatan-nya- tidak beberapa lama lagi — Berita lanjut muka 9.

Musabaqah Al-Kor'an

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama akan mengadakan peraduan membaca Al-Kor'an pereng- kat dewasa bagi kawasan Brunei III bertempat di-sekol- ah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Brunei pada 10hb Mei di-sini mulai jam 2.00 petang.

Tetamu Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 30 orang pendu- dok2 mukim Kampong Ayer akan menghadiri taklimat Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan yang akan berlangsung esok 7hb Mei bermula 8.00 pagi.



Pelita Brunei

DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

ANNUAL
HASIL
KEBERJAAN
NEGERI
BRUNEI

6HB MEI, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

BRUNEI AKAN HASILKAN NOVEL SENDIRI

DALAM meladani kehendak masyarakatnya sendiri, Brunei di-jangka akan dapat menunaikan keperluan2 pembacaan yang berlandaskan alam sendiri dari kaca-mata dan tanggapan pemikiran sendiri yang di-himpunkan dalam penulisan novel.

Atas pemerhatian-nya yang sungguh2 terutama untuk menyeimbangi keperluan2 negara yang giat membangun ini, sejak lama lagi, Dewan Bahasa dan Pustaka berhempas pulas untuk mendapatkan penemuan2 yang sekira2 dapat memulakan matlamat dan chita2-nya yang besar untuk menimbulkan semula "Brunei yang terkenal dengan karya2 sastera di-zaman silam." Atas keyakinan yang Brunei maslah terus boleh bernafas dengan hasil2 sastera zaman ini, seperti mana juga perkembangan-nya di-nusantara, maka usaha2 penggalian bakat begitu berkembang giat yang di-mulakan sejak awal penubuhan DBP lagi. Hasil dari usaha lama yang gigih lagi nekad ini, antara projek lama yang di-anggap besar erti-nya itu ia-lah dengan mengadakan peraduan menulis novel yang di-mulakan pada 11hb Mei, 1980 yang tarikh penyertaan-nya berakhir pada 30hb Mei, 1981 yang baru lalu.

Mungkin ramai juga yang meramalkan bahawa projek ini tidak akan mendapat sambutan yang menggalakkan atas alasan yang Brunei belum mempunyai penulis2 yang mampu di-bidang itu. Akan tetapi, ramai juga yang mengalu2kan projek itu dan menyifatkan-nya sa-bagai satu rantisan yang tepat untuk menguji kemampuan penulis2 Brunei itu. Semangat "belum chuba belum tahu," merupakan rangsangan yang dapat mengukuhkan keyakinan apa-kah penulis2 Brunei berhasil atau sa-balek-nya? Jawapan untuk ini telah di-berikan pada tarikh penutup penyertaan peraduan tersebut di-mana sa-jumlah 13 buah manuskrip novel telah di-terima. Dan ini ada-lah satu jumlah yang amat menggembirakan dan menunjukkan bahawa penulis2 Brunei telah berjaya menyalut chabaran2 yang di-timpakan ka-atas bahu mereka sa-lama ini, dan sekali gus juga, DBP menempah satu lagi kejayaan yang harus mendapat sanjongan masyarakat yang sering menageh hasil sastera tempatan yang lebih serious. Soal siapa akan di-mahkotakan sa-bagai pemenang bukan-lah matlamat asas-nya, tetapi yang penting ia-lah penghasilan-nya dan boleh tidak-nya penulis2 kita memasuki jambangan yang menchabab kemampuan mereka itu.

Di-samping dapat mencapai kejayaan tersebut, maka DBP menyimpan satu hasrat yang murni untuk sama2 menyambut hari Kemerdekaan 1983 di-waktu mana sekurang2-nya sa-buah novel akan dapat di-persembahkan kepada bangsa Brunei yang menghirup kemerdekaan itu nanti.

Dalam satu perjumpaan Jawatankuasa Peraduan itu dengan penulis2 dalam bulan Mei tahun lepas, Awang Mahmud Haji Bakyr, selaku Pengarah DBP ketika itu menerangkan bahawa peraduan menulis novel itu ada-lah sa-lain dari memperingati Sempena Tahun Hijrah 1400, juga di-hasratkan sa-bagai persembaan DBP untuk menyambut kemerdekaan Brunei pada tahun 1983. Maka sa-lari dengan niat DBP itu, novel yang akan terbit pada tahun 1983 itu ada-lah juga merupakan satu hadiah dari para sasterawan tanah ayer untuk hari kemerdekaan itu.

Pengerusi Majlis Pelajaran, Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd Jamil Al-Sufri, telah mengingatkan Guru2 Besar sa-negeri Brunei di-hadapan Pegawai2 Jabatan Pelajaran di-dalam sa-suatu perjumpaan yang telah di-adakan pada hari Selasa 21hb. April, 1981 dan 28hb. April, 1981 di-Dewan Sekolah Melayu Puser Ulak, Bandar Seri Begawan supaya suatu penyusunan matapelajaran yang sesuai dapat di-buat menjelang kemerdekaan yang akan di-chapai pada tahun 1983. Kemerdekaan yang di-tunggu2 oleh ra'ayat dan penduduk negeri ini bukan-lah sa-bagai sa-suatu kemenangan yang di-perolehi dalam lumbalari, tegas beliau. Kerana bila sa-suatu perlumbaan telah sampai ka-garis penamat, perjuangan-nya pun selesai, tetapi bagi persiapan kemerdekaan, tegas beliau lagi suatu tanggung-jawab yang berat akan mulai kita pikul dan terima sa-bagai satu tugas yang wajib di-isikan menurut keperluan-nya serta menghendaki pula pemeliharaan.

Untuk melayakkan diri kita menjadi ra'ayat dan penduduk negeri yang merdeka sudah sa-mesti-nya kita mesti melengkapkan diri dengan ilmu-pengetahuan yang di-perlukan oleh pembangunan, bangsa dan negara kita. Oleh kerana sa-suatu pekerjaan itu berkehendakan ilmu pengetahuan yang tertentu untuk menjadi sharat utama bagi pelaksanaan maka ilmu-pengetahuan yang sa-demikian-lah yang di-utamakan untuk di-ajarkan supaya ra'ayat dan penduduk negeri Brunei ini dapat mengendalikan sendiri perkembangan kemajuan negeri Brunei untuk faedah orang Brunei sendiri dan di-pikul oleh orang Brunei sendiri. Itu-lah hakikat negeri dan ra'ayat yang sudah merdeka. Kalau sa-suatu kerja yang di-perlukan oleh Negara hanya di-tugaskan kepada orang lain sahaja manakala kita sa-bagai bangsa yang merdeka itu sa-mata2 mengharap hasil dari usaha yang di-jalankan oleh orang lain maka kemerdekaan dalam2 di-katakan yang sa-benar-nya itu tidak dapat kita chapai dengan sa-penoh-nya kerana sa-tiap pekerjaan yang di-serahkan kepada orang lain itu sedikit sa-banyak akan mengurangkan hasil yang sa-penoh-nya dan penghasilan yang kita harap2kan itu jauh dari apa yang sa-benar-nya.

Oleh kerana sa-tiap pekerjaan itu memerlukan ilmu pengetahuan bagi mengetahui selok-beloknya supaya ia dapat di-laksanakan menurut yang

PENYUSUNAN MATA-PELAJARAN YANG SESUAI DAPAT DI-BUAT MENJELANG KEMERDEKAAN

sa-wajar-nya maka ada-lah perlu bagi seluruh ra'ayat dan penduduk negeri ini melengkapkan diri mereka dengan ilmu-pengetahuan yang mengikut kehendak2 kerja yang memerlukan-nya dan berseesuaian dengan kebolehan tiap2 orang bagi mengendalikan pekerjaan yang akan di-jalankan itu. Maka untuk ini-lah murid2 atau penuntut2 yang akan menjadi bakal warga negara masa depan itu perlu di-lengkapi dengan ilmu-pengetahuan yang sempurna termasuk pelajaran asas yang boleh di-jadikan infra-struktur negara kita di-zaman kemerdekaan-nya kelak.

Oleh kerana sa-tiap guru2 yang menginsafi perkara ini dan mempunyai semangat sa-bagai sa-orang ra'ayat yang merdeka yang akan mengendalikan teraju pemerintahan negeri-nya sendiri, oleh bangsa-nya sendiri, untuk bangsa-nya sendiri, maka segala keperluan yang dikehendaki oleh jawatan guru hendak-lah di-tuntut dan di-pelajari. Kalau ra-sa-nya belum cukup hendak-lah di-tambah dan kalau rasa-nya sudah ada di-tambah lagi sa-hingga keperluan ilmu pengetahuan yang di-hajatkan oleh ra'ayat dan penduduk negeri ini dapat meningkat kepada peringkat yang di-perlukan oleh kemajuan Brunei ini yang sa-banding dengan taraf antarabangsa.

Sikap achoh tak achoh terhadap sa-suatu tanggung-jawab atau berdolak-dalek terhadap sa-suatu kewajipan atau berdengki-dengikan terhadap sa-suatu kedudukan patut-lah di-singkirkan dari perasaan kita dan gantikan dengan perasaan berlumba-lumba untuk mencapai dan meninggikan ilmu-pengetahuan yang dapat di-gunakan untuk memimpin Warga negara kita dan untuk membina kemajuan Brunei sa-bagai sa-buah negara yang merdeka tulin.

Beliau menegaskan lagi, bahawa sa-bagaimana yang Guru2 Besar telah mengetahui bahawa keputusan pepercakaan tahun-nya bagi murid dan penuntut2 sekolah2 Kerajaan di-negeri ini maslah belum mencapai taraf yang



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato (Dr.) Haji Mohd Jamil Al-Sufri.

di-katakan bermutu tinggi dan maslah banyak lagi murid2 atau penuntut2 yang terkandas di-tengah jalan itu terumbang ambing tidak sampai ka-sana-sini dan oleh kerana ilmu yang di-kehendaki oleh sa-suatu pekerjaan sangat di-perlukan ini bukan-lah kita terus biarkan begitu sahaja atau kita menyesal-nyesal dari kita sendiri sahaja tetapi yang lebih penting kita hendak-lah mengkaji, menyelidik dan menchari sebab2 yang boleh menjadikan perkara itu sa-demikian. Kemudian perkara itu kita usahakan dengan bersungguh-sungguh untuk menchari penyelesaian bagi masaalah tersebut. Sebab musabab yang akan

di-chari itu bukan-lah di-buat sa-chara serkap ja-rang sa-umpama meneka-teka-teki dengan mengatakn, boleh jadi sebab murid2 atau penuntut2 malas atau ibu-bapa chua atau boleh jadi kerana murid2 sentiasa di-dalam kemewahan atau boleh jadi kerana pengaruh yang datang dari luar samad melalui talivishen atau wayang gambar tidak dapat di-bendong2 dan sa-bagai-nya, kemudian sa-suatu keputusan sa-demikian itu pula terus diambil tindakan sa-chara meluru tanpa menyelidik dengan sa-masak2-nya atau memereksa apa-kah yang sa-benar-nya sebab yang menjadikan perkara ini berlaku. Perkara yang sa-demikian ini patut-lah di-elakkan. Kalau hendak menyelidik, selidik-lah dengan sempurna-sempurna dan di-chari sebab yang sa-benar-nya itu. Kemudian sebab2 itu di-betulkan dan di-usahakan chara menyelesaikan-nya. Kalau sa-kira-nya belum lagi berjaya sambong-lah usaha itu pada kali yang lain sa-hingga kita dapat menchapai kejayaan. Yang Berhormat Pehin juga mengingatkan supaya jangan-lah sa-suatu hujjah itu di-buat sa-bagai satu dolak-dalek sahaja atau membeban2kan kesalahan kepada orang lain, tetapi yang penting sekali chara penyelesaian-nya.



PASOKAN Nashid Pertiwi chawangan Temburong ini telah berjaya menyandang johan dalam peraduan tersebut dan terpilih mewakili daerah itu ka-Peraduan Nashid Pertiwi Negeri yang akan di-adakan pada bulan Julai depan.

USAHA2 DBP DALAM MENERBITKAN NOVEL

MEMORANDAM Perjanjian telah sempurna di-tandatangani pada hari Khamis, 16hb April, 1981 bertempat di-Bilik Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Penandatanganan itu berlangsung antara Awang Md Salleh Abdul Latiff, sa-laku penulis dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, sa-laku penerbit di-sekitar perjanjian untuk menerbitkan novel *Gegaran Sa-musim*.

Dewan Bahasa telah di-wakili oleh Pemangku Pengarah, Pg. Badaruddin Pg. Ghani dan Timbalan Pengarah, Awang Haji Ahmad Kadi serta di-saksikan oleh Awang Md Ali Haji Abd Razak, Ketua Bahagian Penerbitan dan Awang Md Shahri POKJD Awang Haji Hussin, Ketua Penyunting dari jabatan tersebut.



PENANDATANGANAN Memorandum Perjanjian antara penulis, Awang Md Salleh Abdul Latiff (di-tengah) dengan penerbit yang di-wakili oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani (dua dari kanan) dan Timbalan Pengarah DBP, Awang Haji Ahmad Kadi (dua dari kiri) dengan di-saksikan oleh Awang Md Ali Abdul Razak (kanan sekali) dan Md Shahri POKJD Awang Haji Hussin (di-kiri).—Gambar chsan dari DBP.

“GEGARAN SA-MUSIM” BAKAL TERBITAN SULONG NOVEL DBP

ROYALTI

sama dengan penulis2 lain dalam *Bahana Rasa* (dalam tahun 1975), *Tali Kikek Tali Teraju* (1976), *Meniti Gugusan Rasa* (1980) dan *Cherpen Untaian Mekar* (1976). Antoloji cherpen ini kesemuanya di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dalam senarai penerbitan novel Dewan Bahasa dan Pustaka tahun ini termasuklah novel *Lari Bersama Musim* karya Haji Muslim Haji Burut, *Meniti Hasrat* dan *Tiga Orang Budak Bera* (novel kanak-kanak), kedua2-nya karya Md Salleh Abdul Latiff.

Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa mengalu-alukan sumbangan novel, mahu pun karya kreatif lain-nya untuk di-terbitkan sa-bagai usaha jabatan tersebut mempergiat perkembangan kesusasteraan di-negeri ini.

Dewan Bahasa dan Pustaka akan memberikan Bayaran Royalti yang telah di-tetapkan ia-itu antara tujuh peratus hingga 12½ peratus yang terta'alok kepada kategori karya. Bayaran Royalti di-bayar sa-chara pukal (lumpsum) dan di-kira dari harga jualan dan

dari jumlah naskhah yang di-chetak.

Sa-chara umom pembahagian kategori Bayaran Royalti itu adalah seperti berikut:

1. Buku2 teks pengajian tinggi, latihan ilmiah, tesis dan hasil2 penyelidikan kadar Bayaran Royalti adalah 12½ peratus bagi chetakan pertama; 10 peratus bagi chetakan2 seterusnya.
2. Buku2 yang termasuk dalam penerbitan umom (general publishing) kadar Bayaran Royalti adalah 10 peratus bagi chetakan pertama; tujuh peratus bagi chetakan2 seterusnya.

3. Buku2 teks/tam-bahan untuk sekolah2 rendah yang di-chetak dalam jumlah naskhah yang besar kadar Bayaran Royalti adalah 10 peratus untuk chetakan pertama, 7½ peratus bagi chetakan2 seterusnya.
4. Buku2 komik dan cerita bergambar untuk kanak-kanak kadar Bayaran Royalti adalah 7½ peratus bagi chetakan pertama; tujuh peratus bagi chetakan2 seterusnya.

Dalam usaha memperbanyak penerbitan novel ini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyediakan sa-jumlah \$19,000.00 sa-bagai hadiah dalam Per-

aduan Menulis Novel Sempena Tahun Hijrah 1400 yang telah di-anjorkan sejak Mei 1980. Peraduan ini telah di-tutup pada 30hb April, 1981. Sa-hingga tarikh peraduan itu di-tutup, jabatan tersebut telah menerima sa-banyak 13 buah manuskrip novel untuk menyertai peraduan tersebut. Keputusan novel itu akan di-umomkan pada bulan Oktober 1981.

Dari sa-jumlah manuskrip novel yang diterima dan akan di-hakimkan untuk peraduan tersebut, Dewan Bahasa dan Pustaka berharap akan dapat menerbitkan tiga buah novel atau sekurang2-nya sa-buah novel yang telah memenangi Hadiah Pertama untuk dapat di-terbitkan

“*Lari Bersama Musim*” karya Haji Muslim akan juga terbit dalam siri novel DBP.

dan di-edarkan kepada pembaca menjelang tahun kemerdekaan Brunei ia-itu dalam tahun 1983 nanti.

Ini-lah salah satu usaha Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menchongkel bakat penulis2 tempatan dan mengetengahkan karya penulis2 tempatan, di-samping usaha jabatan tersebut untuk memperkembangkan kesusasteraan tempatan.

13 buah manuskrip sertai Peraduan Menulis Novel. \$19,000 telah di-sediakan untuk di-hadiahkan. Pemenang2-nya akan di-umomkan dalam bulan Oktober, 1981.



Md. Salleh Abdul Latiff

DARAH KEDAYAN EDISI BRUNEI

INI-LAH nanti novel sulong yang akan di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Di-samping novel *Gegaran Sa-musim*, sa-buah lagi novel akan di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel kedua ini berjudul *Darah Kedayan* karya Harun Aminurrashid yang akan di-terbitkan sa-bagai Edisi Brunei. Kedua2 Novel ini di-jangka akan dapat di-terbitkan dalam bulan Ogos tahun ini.

Novel *Gegaran Sa-musim* telah siap ditulis oleh penulis-nya dalam tahun 1977 dan ia-nya merupakan novel kedua beliau yang telah di-terbitkan. Novel pertama beliau berjudul *Garis Cherah Diufok Senja* telah di-terbitkan oleh Biro Kesusasteraan Borneo dalam tahun 1968. Sementara karya beliau dalam bentuk cherpen telah di-terbitkan ber-



1

KEBAWAHA BERANGKAT S-JAYA AWAM

1. Sa-belum berangkat ka-bahagian2 Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan Awam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, telah di-junjong oleh Menteri Besar, YAM Pengiran Dato Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin ka-Bilek Ta' Emtat Pejabat tersebut. Kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sedang berbual mesra sa-belum nendengati taklimat yang di-sampaikan oleh Pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji A. Rahman.
2. Bagi memulai lawatan Baginda di-Pejabat SPA, Baginda mula2 berangkat ka-Bilek Koding di-mana kelihatan atas Penolong Perangkaan, Awang Ismail bin Awang Ismail sedang berdatang sembah dengan menerangkan kepada mana chara memberi kode mengenai dengan borang2 pejabat dan chatetan2 perkhidmatan pegawai2 kerajaan.



3



7



8

D.Y.M.M. KA-PEJABAT P'KHIDMATAN

3. Dengan di-iringkan oleh Pengerusi SPA, Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-junjong untuk menyaksikan bagaimana ujian temuduga di-jalankan di-Bilik Lembaga Temuduga Satu. Kelihatan di-kanan sekali ia-lah Pemangku Ketua Penolong Setia Usaha SPA, Awang Hamzah bin Haji Jaafar.
4. Kebawah DYMM kemudian di-junjong berangkat ka-bilik Kesetiausahaan di-mana Pengerusi SPA, sedang menyebarkan penerangan mengenai tugas2 di-bahagian tersebut.
5. Kelihatan salah sa-orang Kerani tingkatan 111 di-bahagian Kesetiausahaan sedang junjong ziarah kepada Kebawah DYMM.
6. Ini ia-lah bahagian Perkhidmatan. Kebawah DYMM sambil menyaksikan tugas2 yang di-jalankan oleh kaki-tangan di-bahagian ini sedang di-ziarahi oleh salah sa-orang kerani dalam bahagian ini.
7. Kebawah DYMM sedang meneliti dan bertanya bagaimana tugas2 pengambilan di-jalankan di-bahagian Pengambilan Pejabat SPA yang mana menerima segala borang para pemohon sa-belum di-panjangkan ka-atas.
8. Ini ia-lah bahagian pemanggilan untuk temuduga di-bahagian pengambilan, bahagian mana yang di-beri tugas untuk membuat panggilan kepada pemohon2 pekerjaan untuk menjalani temuduga.
9. Sementara Kebawah Duli Yang Maha Mulia sedang meninjau di-bahagian penterjemah, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz yang juga mengalu2kan ketibaan Baginda juga sempat berbual mesra dengan Setia Usaha Sulit Kebawah Duli Yang Maha Mulia, YAM Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman (kanan sekali) dan Setia Usaha SPA, Pengiran Mohd Yassin bin YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin.
10. Ketika berangkat untuk pulang Kebawah DYMM telah sempat lagi di-ziarahi oleh pegawai2 di-Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan Awam.



2



6



5



9



10

BERDIRI DI-JALAN LURUS, JALAN MENCHAPAI KETENANGAN JIWA

ALHI2 tasauf membahagikan jiwa manusia kepada empat jenis ia itu:

Pertama: Jiwa yang jahat, jiwa yang demikian tidak membezakan antara yang baik dengan yang jahat, antara yang berguna dengan yang memberi mudharat dan sa-bagainya. Orang yang berjiwa demikian langsung tidak mempunyai perhitungan dalam melakukan sa-suatu, malahan apa sahaja yang teringat di-lakukan-nya samada baik atau jahat terus sahaja di-lakukan-nya. Jiwa yang demikian sama sekali tidak di-kendalikan oleh otak.

Kedua: Jiwa yang terchela. Jiwa yang demikian mulai mengenal batas tertentu, tetapi maseh samar2 pada membezakan antara yang baik dengan yang jahat. Segala pertimbangan maseh di-dasarkan untuk kepentingan diri sendiri.

Ketiga: Jiwa yang memikat. Dalam perangkat ini jiwa itu sudah tahu batas mana yang baik dan mana yang jahat, tetapi belum mampu menguasai diri. Apabila melakukan satu kejahatan, ia sedar sa-penoh-nya bahawa hal itu satu pelanggaran. Hal ini faktor2 yang mende-sak-nya yang biasa-nya datang dari luar diri-nya sa-umpama akibat pergaulan dan sa-bagai-nya maseh lebeh berkuasa dan lebeh menentukan.

Ke-empat: Jiwa yang tenang. Dalam perangkat ini jiwa itu sudah dalam keadaan tetap dan tidak bergoncang lagi serta tidak mudah di-umbang ambingkan oleh keadaan2 yang tidak sesuai dengan kebenaran.

Apabila manusia sudah mencapai tingkatan jiwa yang tenang, maka lenyaplah dari diri-nya sifat bergantung kepada yang lain daripada Allah s.w.t. Dengan ada-nya jiwa yang tenang itu dia mempunyai pegangan dan pendirian dalam kehidupan. Dia tidak mudah menyerah kalah menghadapi apa2 jua kesulitan dan tidak mudah berubah haluan.

Dalam mengharungi lautan kehidupan yang seleh berganti kadang2 tenang dan kadang2 berombak itu, manusia perlu mempunyai landasan jiwa yang kuat yang dapat menyelamatkan-nya dari berbagai2 bahaya. Di-antara landasan jiwa itu ia-lah apa yang di-sebut sa-bagai istiqamah. Perkataan istiqamah itu dari segi bahasa erti-nya ia-lah tegak atau lurus. Manakala dari segi shara' pula erti-nya



berdiri tegoh di-atas jalan yang lurus atau dengan kata2 yang lain berpegang dan berdiri tegoh pada ajaran2 agama Islam yang benar dalam apa jua keadaan sekali pun. Orang2 yang mempunyai jiwa sa-demikian ini-lah yang da-

lam Surah As-Sura ayat 15, yang bermaksud kira2: "Oleh sebab itu maka serulah mereka (kapada ugama Islam) dan tegohkanlah pendirian mu (wahai Muhammad) sa-bagaimana yang telah di-perentahkan kapada-mu, dan janganlah engkau turut hawa nafsu mereka. Dan katakanlah bahawa saya beriman kapada kitab yang diturunkan Allah."

Dalam keadaan dunia yang di-landa dengan berbagai2 pengaruh dan penoh dengan chabaran2 yang boleh meruntuhkan iman dan pegangan kita terhadap ajaran2 agama sekarang ini, khas-nya oleh daya pikat dan tarekan2 kebendaan, semakin perlu bagi kita memiliki jiwa tenang lagi tegoh itu. Kerana kalau tidak, pasti-lah kita akan mudah di-kalah-

"Dalam keadaan dunia yang di-landa dengan chabaran2 yang boleh meruntuhkan iman dan pegangan kita terhadap ajaran2 agama sekarang ini, khas-nya oleh daya pikat dan tarekan2 kebendaan, semakin perlu bagi kita memiliki jiwa tenang lagi tegoh itu."

pat menchapai jiwa yang tenang.

Allah s.w.t. memerentahkan kapada kita umat Islam supaya berusaha menchapai tingkat jiwa yang tegoh itu, tegoh dalam iktikad kapada Allah yang Maha Esa, tegoh dalam melakukan amal ibadat, tegoh dalam melaksanakan tugas2 dan kewajipan.

Firman Allah Ta'ala da-

Peraduan menulis Sajak, Cherpen dan Artikel sempena Isra Me'raj

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama kini sedang menganjurkan peraduan menulis sajak, cherpen dan artikel sempena Sambutan Isra Me'raj yang akan diadakan pada penghujung bulan Mei ini.

Peraduan bagi menulis sajak dan artikel di-bahagikan kapada tiga bahagian ia-itu bahagian A bagi penuntut2 tingkatan empat dan lima dan bahagian B pula ia-lah untuk penuntut2 tingkatan enam dan maktab2 perguruan dan bahagian C ia-lah untuk umom yaani bukan penuntut2 sekolah atau maktab2.

Sementara dalam peraduan menulis cherpen ia-lah di-bahagikan kapada dua bahagian. Bahagian A ia-lah untuk penuntut2 tingkatan empat, lima dan enam serta maktab2 perguruan manakala bahagian B untuk umom yaani

bukan penuntut2 sekolah atau maktab2.

Kapada siapa2 yang berminat untuk menyertai peraduan itu boleh-lah mendapatkan borang2 serta butir2 lanjut mengenai peraduan itu daripada pengerusi peraduan, Awang Abd. Hamid bin Haji Tammat atau kapada Awang Timbang bin Bakar di-Bahagian Penerangan Tingkatan III, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Tarikh tutup bagi menghantar penulisan itu ia-lah pada 1hb Jun depan dan hendak-lah di-hantar kapada nama2 yang berkenaan tidak lewat dari tarikh yang di-nyatakan.

Sa-orang juruchakap peraduan itu memberitahu kapada Pelita Brunei bahawa tarikh penyampaian hadiah2 akan di-langsungkan pada pertengahan bulan Julai tahun ini ia-itu sempena Sambutan Nuzul Al-Koran.

yang jahat dan terchela sekurang2-nya pasti-lah jatuh kapada jiwa yang memikat yang tiada mampu menguasai diri lagi.

Bagi menghindarkan supaya hal2 itu jangan terjadi mari-lah kita sentiasa ingat kapada Allah Ta'ala dan ta'at kapada-Nya. Mari-lah kita sentiasa berbuat ibadat dan berlaku jujur terhadap diri kita, mudah2an dengan jalan demikian Allah sentiasa mengurniakan hidayat dan taufik kapada kita.

ISLAM MELARANG TAMAK KAPADA HARTA DUNIA DAN MALAS MENCHARI-NYA

SEJAK zaman dahulu kala manusia itu memang di-chiptakan oleh Allah s.w.t. dengan membawa suatu sifat ia-itu maseh selalu berkuran, sekali pun sa-benar-nya ia telah berkeadaan amat chukop, punya harta dan kaya raya, ibarat harta-nya di-gunakan untuk tilam-nya di-waktu tidur dan bantal-nya di-waktu berbaring. Walau bergundang2 sekali pun banyak harta-nya yang di-miliki, maseh selalu mengadoh dan mengeloh kerana kata-nya maseh kurang. Hal yang sa-demikian ini memang tidak perlu di-hairankan, sebab itu Rasulullah s.a.w. ada bersabda yang di-riwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim bermaksud: "Andai kata sa-seorang anak Adam (manusia) itu mempunyai sejurang harta, pasti ia menchari yang dua jurang, kalau sudah mempunyai dua jurang, tentu menchari yang tiga jurang. Tidak dapat memenohi perut anak Adam itu melainkan tanah (meninggal dunia). Allah ada-lah Maha Penerima kapada taubat-nya orang yang suka bertaubat."

Jika kita teliti akan maksud hadith tersebut, nyata-lah bahawa yang menyebabkan manusia itu suka mengeloh kerana maseh diri-nya selalu kekurangan, ia-lah di-sebabkan ia memiliki sifat tamak, loba dan rakus, tidak maseh bersukor dengan apa yang telah di-miliki-nya sekali pun sudah berlebeh

"Tidak dapat memenohi perut anak Adam itu melainkan tanah (meninggal dunia)."

ma. Jika kita maseh dalam keadaan orang yang susah, hendak-lah kita berikhtiar dalam menchari kekayaan, tetapi jangan tamak dan loba, jangan sampai maseh beribadat dan ingat-lah selalu kapada Allah s.w.t.

Kalau sudah kaya nanti jangan-lah melalaikan kewajipan2 yang wajib di-laksanakan seperti mengeluarkan zakat, sedekah dan lain2. Walau pun tamak itu telah menjadi satu chiri kehidupan manusia, tetapi tamak itu wajib di-tahan seboleh mungkin, jangan

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 6hb Mei, 1981 hingga ka-hari Selasa 12hb Mei, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini:

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
6hb Mei	12.23	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53	6.00	
7hb Mei	12.23	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53	6.00	
8hb Mei	12.23	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53	6.00	
9hb Mei	12.23	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53	6.00	
10hb Mei	12.23	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53	6.00	
11hb Mei	12.23	3.39	6.31	7.43	4.38	4.52	6.00	
12hb Mei	12.23	3.39	6.31	7.43	4.38	4.52	6.00	

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Bingkisan minggu ini

jumlah-nya.

Jadi di-sini nampak-lah kapada kita bahawa sifat tamak itu tidak akan hilang dari hati manusia kecuali manusia itu mempunyai sifat taqwa, pada hal kalau di-fikir sifat tamak itu jelas membawa kapada kechelakaan, kerana akhir-nya akan melalaikan sa-seorang itu dari beribadat, lalai berzakat, bahkan lalai dari segala hal yang telah menjadi kewajipan-nya. Jadi yang sa-baik2-nya kita hendak-lah memiliki sifat meneri-

"Sifat tamak itu tidak akan hilang dari hati manusia, kecuali manusia itu mempunyai sifat taqwa."

ma. Jika kita maseh dalam keadaan orang yang susah, hendak-lah kita berikhtiar dalam menchari kekayaan, tetapi jangan tamak dan loba, jangan sampai maseh beribadat dan ingat-lah selalu kapada Allah s.w.t.

Kalau sudah kaya nanti jangan-lah melalaikan kewajipan2 yang wajib di-laksanakan seperti mengeluarkan zakat, sedekah dan lain2. Walau pun tamak itu telah menjadi satu chiri kehidupan manusia, tetapi tamak itu wajib di-tahan seboleh mungkin, jangan

di-biarkan semahu-mahu-nya menguasai diri kita.

Dalam hal ini ada chabaran yang harus kita memahaminya baik2, bahawa segala rezeki itu datang dari Allah s.w.t. dan Allah s.w.t. menentukan kapada siapa yang akan di-berikan-nya, oleh ker-

"Sifat tamak itu jelas membawa kapada kechelakaan, kerana akhir-nya akan melalaikan sa-seorang itu dari beribadat, lalai berzakat, bahkan lalai dari segala hal yang telah menjadi kewajipan-nya."

na itu kalau sudah rezeki itu di-tentukan untuk kita, pasti akan kita terima juga, tetapi mesti-lah disertai dengan usaha. Sifat itu-lah usaha itu tidak boleh di-tinggalkan dalam menchari keredhaan Allah s.w.t.

Kerana itu-lah, kita tidak boleh di-dunia ini wajarnya mempunyai sifat sedekah, erti-nya tidak tamak dan loba dan juga tidak malas dalam menchari rezeki untuk kemudahan hidup, asalkan dengan chabaran yang di-redhai oleh Allah s.w.t. Untuk itu mari-lah kita merenong akan maksud firman Allah s.w.t. dalam Surah Al-Ma'idah ayat 19 hingga 23: "Sungguh-nya manusia itu di-chiptakan dengan membawa sifat selalu gelisah. Apabila bahaya menimpanya, ia berkeloh kesah, dan apabila kebaikan (berniat) atau kekayaan, mendapatkan-nya, maka ia pun bakhil, kekangan2 yang berlebeh yang tetap mengangan sembahyang."

TIADA SEMBAHYANG HADIAH DAN PERTUNANGAN ITU BUKAN NIKAH

Siri ke-78

MASAALAH (1) : Apabila sa-orang meninggal dunia dan telah di-kebumikan, lalu di-perbuatkan 'sembahyang hadiah' yang khusus di-hadiahkan kepada si-mati. Maka apa hukum-nya ?

JAWABAN

ULAMA2 dalam kitab2 feqah tiada pernah menyebutkan bahawa satu daripada sembahyang sunnat itu ia-lah sembahyang hadiah kepada orang mati. Hendak-lah di-ketahui bahawa membuat sembahyang sunnat dan sembahyang fardhu itu datang dari surohan Allah yang men-shari'atkan-nya. Ada pun mengada2kan sa-suatu rupa sembahyang dari fikiran sendiri seperti sembahyang Nisfu Sha'aban atau sembahyang hadiah semua-nya di-tolak dan bid'ah — yang mana tiap2 bid'ah itu sesat dan tiap2 sesat itu neraka tempat-nya, sa-bagaimana di-sebutkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam suatu hadith Baginda yang di-riwayatkan dari sahabat Ibnu Mas'ud r.a.

KALAU SAYANG

JIKA sa-seorang itu sayangkan kaum kerabat-nya yang mati itu maka sebelum kerabat-nya itu mati hendak-lah ia beri pelajaran agama dan di-lateh ia beribadat di-rumah dan di-luar rumah; tunjukkan kapada-nya chara2 dan

Ada pun mengada2kan sa-suatu rupa sembahyang dari fikiran sendiri seperti sembahyang Nisfu Sha'aban atau sembahyang hadiah semua-nya di-tolak dan bid'ah — yang mana tiap2 bid'ah itu sesat dan tiap2 sesat itu neraka tempat-nya.

rupa2 orang Islam hidup sa-bagai orang Islam dengan tata tertib Islam dan gemarkan dia beribadat serta berperangai baik kapada Allah s.a.w. dan kapada sa-sama manusia. Ini ia-lah kira-nya kerabat-nya itu tiada pernah bersembahyang atau menchuaikan sembahyang. Ada pun jika kerabat-nya itu orang yang bersembahyang dan menyempurnakan hak2 Allah serta hak2 manusia maka amal-nya itu akan melindongi-nya di-akhirat kelak. Ini yang di-suroh oleh agama.

Saya hairan orang2 sayangkan kaum kerabat-nya ia memberi ubat jika ia sakit dan di-beri-nya rezeki supaya hidup sehat; di-masokkan-nya ka-sekolah supaya dapat makan gaji dan hidup senang. Tetapi mengapa dia lupa akan keselamatan dan kebahagiaan kaum keluarga-nya di-akhirat dengan menyediakan jalan2 keselamatan ia-itu mengajar-nya agama, melateh-nya bersembahyang dan hidup chara Islam ?

Ada pun mengada2kan perkara yang tiada di-suroh oleh agama dengan membuat sembahyang hadiah tiada-lah erti-nya sayang kapada kaum kerabat itu, bahkan chara itu hanya mencheroboh Islam dan ajaran Islam.

Saya harian orang2 sayangkan kaum kerabat-nya, ia memberi ubat jika ia sakit dan di-beri-nya rezeki supaya hidup sehat; di-masokkan-nya ka-sekolah supaya dapat makan gaji dan hidup senang. Tetapi mengapa dia lupa akan

keselamatan dan kebahagiaan kaum keluarga-nya di-akhirat dengan menyediakan jalan2 keselamatan ia-itu mengajar-nya agama, melateh-nya bersembahyang dan hidup chara Islam ?

MASAALAH (2) : Ada di-dapati sekarang, apabila sahaja orang bertunang kedua2-nya telah boleh berjalan bersama dengan bebas — dan kadang2 tidor pun sama. Sedangkan ibu bapa-nya tiada melarang. Jadi bagaimana hukum-nya ka-atas ibu bapa mereka itu dan orang2 yang mengetahui-nya atau melihat pada hal tiada menegah ?

JAWABAN

SA-TENGAH2 orang Islam tiada mahu mengikut ajaran Islam oleh sebab banyak membaca buku2 yang bukan Islam dan te-

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



Haji Ismail Bin Omar Abdul Aziz
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

Ibu bapa dan umat Islam ada-lah bertanggung-jawab menegah perkara champor gaul sebagai laki bini dalam masa bertunang.

yang bermaksud: "Tiap2 kamu itu gembala (penjaga sa-suatu) dan tiap2 gembala itu bertanggung-jawab ka-atas apa yang di-jaga-nya."

Dari itu ibu bapa dan umat Islam ada-lah bertanggung-jawab menegah perkara champor gaul sa-bagai laki bini dalam masa bertunang itu.

Al-Kor'an dan hadith, telah melarang champor gaul di-antara lelaki halal nikah dan perempuan halal nikah. Dan ulama2 Islam telah melarang dan memberi nasehat tetapi ramai orang Islam tiada hiraukan perintah Allah dan rasul dan tiada pedulikan nasehat ulama dan pimpinan ulama.

WALLAHU A'ALAM



BEBERAPA majlis keagamaan telah berlangsung minggu lalu. Antara majlis tersebut ia-lah Khatamal Kor'an, Peraduan Nashid dan Membaca Kor'an. Gambar atas kelihatan sa-ramai 19 orang pelajar2 perempuan Kelas Dewasa Kor'an Kampong Bunot yang telah melangsungkan majlis Khatamal Kor'an di-Masjid Kampong Bunot pada 26hb April yang lalu.



DAYANG Norhoda Yati bte Md Shah, baru pertama kali memasuki Bintang Kecil Radio, anjoran Bahagian Melayu Radio Brunei, telah terpilih mewakili Daerah Belait ka-perengkat sa-paroh akhir sa-negeri. Dayang Norhoda Yati menduduki tempat kedua dari 16 orang peserta, bagi Daerah Belait yang berlangsung pada hari Ahad, 26hb April lalu, bertempat di Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait.

BINTANG KECHIL RADIO '81 PERENGKAT AKHIR BAGI DAERAH BELAIT DAN TUTONG

PERTANDINGAN akhir Bintang Kechil Radio 1981, bagi Daerah Tutong telah di-adakan pada hari Jumaat, 24hb April lepas manakala bagi Daerah Belait pada hari Ahad, 26hb April, 1981. Sa-banyak empat orang peserta dari tiap2 daerah telah di-pilih untuk memasuki ka-perengkat sa-paroh akhir negeri nanti. Di-bawah ini ia-lah calon2 yang terpilih untuk memasuki ka-perengkat sa-paroh akhir negeri.

DAERAH TUTONG

1. Erwan bin Md. Said
2. Hasrinah bte Jamal
3. Rosmah bte Abdul Rashid
4. Kamarul Ariffin bin Abd Rahman

DAERAH BELAIT

1. Khairur Rizul bin Ramlee
2. Norhoda Yati bte Md Shah
3. Suryani bte Julaihi
4. Ak Shahminan Pg Ali.

Pertandingan sa-paroh akhir sa-negeri akan di-adakan pada hari Ahad, 24hb Mei 1981. Sa-banyak 20 orang peserta, lapar orang peserta dari Brunei dan Muara dan Daerah2 Tutong, Belait dan Temburong akan menghantar wakil2 mereka sa-banyak empat orang.

Sementara itu, pertandingan perengkat akhir bagi Daerah Temburong, akan di-adakan pada hari Ahad ini, 10hb Mei 1981, bertempat di-Dewan Ria Pekan Bangar, Temburong mulai jam 2.00 petang.



Sementara Awang Erwan Md Said, calon dari Daerah Tutong yang mempunyai banyak peminat, Johan Bintang Kechil Radio 1980 dan menduduki tempat ketiga tahun 1979.

Pada tahun ini, dia menhuba lagi kebolehan-nya, berjaya-kah Awang Erwan di-perengkat sa-paroh akhir yang akan di-adakan pada 24hb Mei ini, dan seterusnya ka-perengkat akhir nanti? Sama2-lah kita nantikan di-pertandingan yang akan datang.

BHG MELAYU BBC RAI'KAN ULANG TAHUN KE-40

PADA hari Sabtu, 2hb Mei 1981 lepas, Bahagian Melayu BBC telah merayakan ulang tahun-nya yang ke-40. Bahagian Melayu BBC telah memulakan penyiaran-nya ka-Malaysia, Singapura dan Brunei sa-lama 15 minit sa-hari pada 2hb Mei 1941, enam bulan sa-belum Jepun melanggar Borneo dan Borneo Utara.

Kini, Bahagian Melayu BBC tetap membuat siaran 15 minit sa-hari sa-lain dari mengirim ranchangan2 rakaman ka-lima buah stesen radio seluruh rantau ini.

Dari hari Isnin hingga Jumaat, siaran itu memuatkan berita2 dunia dan sa-buah ulasan berita, manakala pada hari Sabtu para pendengar di-Malaysia, Singapura dan Brunei akan dapat mengikuti tentang kehidupan dan institusi di-Britain dalam 'Bingkisan dari London' dan pada hari Ahad di-siarkan 'Halaman Sokan Mingguan' yang di-si dengan berbagai kegiatan sokan terutama-nya bola-sepak.

Siaran Melayu BBC boleh di-ikuti sa-tiap hari

mulai jam 9.00 hingga 9.15 malam di-Semenanjung Malaysia dan dari jam 9.30 hingga 9.45 di-Singapura sementara siaran di-Sabah, Sarawak dan Brunei akan dapat di-ikuti menerusi 17.695, 11.91, 6.05 dan 3.915 Mhz atau melalui gelombang2 pendek 16, 25, 49 dan 75.

Dalam gambar kelihatan Kahar Jaafar salah sa-orang penyiar Bahagian Melayu BBC sedang membincangkan sa-suatu mengenai berita dunia dengan salah sa-orang pengarang di-Bilek Berita Perkhidmatan Luar Negeri BBC di-London.

Dua orang lagi penyiar Bahagian Melayu sekarang ia-lah Chamil Wariya dan Zainal Abidin Bador.



RANCHANGAN TVP DARI 11HB

ISNIN — 11HB MEI

PAGI

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 12
Dalam ranchangan ini Gani mengajar Jay Jay dan kawan2 nama2 hari dalam satu minggu. Di-Magic Pool Gani dan Jay Jay nampak perkataan2 yang bermula dengan huruf 'L'. Bila mereka balek dari Magic Pool mereka berjumpa Owl, di-sini Owl bercerita berkenaan dengan 'Budak yang jujur'.

9.20 SAINS UNTOK DAERAH 5
(Binatang Bertulang Belakang)
Gajah ada-lah binatang darat yang terbesar sekali di-dunia. Dalam kumpulan apa-kah binatang gajah ini? Apa-kah binatang bertulang belakang yang terbesar sekali di-dunia? Untuk selanjut-nya ikuti-lah ranchangan ini nanti!

10.30 KAP KAP UDANG 343
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BOLA TUMBOK, KERJA TANGAN, SI-MANIS, BERSENAH, MENGATOR GAMBAR, dan CHERMIN SAKTI.

Kerja2 tangan Che'gu Rokiah hari ini ia-lah membuat helikopter.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 343.

SELASA — 12HB MEI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 12

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 5
(Binatang Bertulang Belakang)

10.30 KAP KAP UDANG 344
Dalam Ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2

saperti MAIN KUDA, LIHAT DAN PERHATI, PA' LONG, AMIN, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.

Ruangan siri permulaan, Che'gu Rokiah akan bercerita dan menunjukkan berjenis2 roda.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 344.

RABU — 13HB MEI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 12

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 5
(Binatang Bertulang Belakang)

10.30 KAP KAP UDANG 345.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BERSENAH, TUNJOK BENDA, AMINAH, MENYANYI DENGAN GAYA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Tajok cerita Che'gu Rokiah ia-lah 'Tujoh Ekor Burong Gagak'.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 345.

KHAMIS — 14HB MEI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 346.

Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti MAIN BAKUL, KAJIAN SAMULA JADI, PETI SURAT, AMIN, MENYANYI DENGAN GAYA dan CHERMIN SAKTI.

PERKHIDMATAN STESHEN MINYAK TERAPONG DI-LANCHAR

Oleh: Shadoon Lamzi

Jaa'far Ibrahim

MUARA. — Pelancaran Steshen Perkhidmatan Penjualan Minyak terapong yang berlangsung pada pagi hari Rabu lepas merupakan satu pencapaian yang paling ketara dalam teknologi moden dewasa ini.

Ia-nya juga ada-lah merupakan penyesuaian di-segi pemikiran dan kesedaran di-kalangan peniaga2 kita dalam lapangan penjualan minyak yang semata-mata bagi meningkatkan lagi taraf dan "efficiency" bagi menghadapi chabaran2 perkembangan teknologi moden yang kian merebak pada masa ini.

Demikian telah di-tegaskan oleh Awang Hj Kassim bin Haji Md. Daud,

Pemangku Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi ketika berucap merasmikan pelancaran Steshen perkhidmatan penjualan minyak terapong di-ayer bertempat di-tambatan Sharikat Pemasaran Shell Brunei Berhad di-sini.

Penggunaan steshen minyak tersebut, tambah-nya, menggambarkan satu tindakan positif yang diambil oleh mereka ka-arrah mengutamakan "efficiency" dan memberikan perkhidmatan yang baik bagi mendapatkan keuntungan penanaman modal demi kepentingan hidup berniaga di-dunia perniagaan yang penuh dengan persaingan ini.

Perkhidmatan steshen minyak yang sa-umpama itu, kata-nya lagi, satu perkembangan yang agak unik dan sudah tentu membuka lagi satu sejarah baru di-segi pemasaran dan penjualan minyak di-negeri ini.

"Bukan sahaja pemodenan ka-atas steshen2 menjual minyak dapat diperkenalkan di-merata tempat di-daratan di-dalam negeri ini, tetapi pemodenan tempat menjual minyak di-laut juga dapat

di-laksanakan sapertimana yang sekarang sudah terbukti di-hadapan mata kita semua pagi ini," ujar beliau sa-lanjut-nya.

"Dari itu kepada tuan2 yang empunya steshen menjual minyak terapong ini saya mengucapkan sa-tinggi-tinggi tahniah dan sa-terus-nya saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada peh a k Sharikat Pemasaran Shell Brunei Berhad kerana memberikan nasehat2 yang berguna kepada tuan2 yang empunya steshen tersebut sa-hingga tercapai matlamat yang di-chita2kan untuk bersama2 meninggikan lagi taraf perkhidmatan



PEMANGKU Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Mohd Kassim bin Haji Md Daud, kelihatan sedang ber-salaman sa-jurus sa-telah menyampaikan kunchi kepada tuan punya steshen terapong Sharikat Seri Bintang Baru, Awang Haji Tengah bin Hashim.

penjualan minyak di-per-ayeran Brunei.

Turut hadir di-upachara pelancaran itu termasuklah Awang Max Michie, Pengurus Sharikat

Pemasaran Shell Brunei Berhad, tuan2 punya steshen minyak terapong, penghulu2 dan ketua2 kampung yang berkenaan.

Sejarah baru pemasaran minyak di-negeri ini

MUARA. — Lima buah steshen minyak terapong yang masing2 berharga \$200,000 akan mula memberikan perkhidmatan-nya di-beberapa buah tempat di-kampung ayer dalam sedikit masa lagi.

Perasmian pelancaran kelima2 buah steshen penjual minyak tersebut, walau bagaimana pun, telah di-sempurnakan oleh Pemangku Pengarah, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Awang Haji Mohammad Kassim bin Haji Mohd Daud di-dalam satu

upachara bertempat di-tambatan Sharikat Pemasaran Shell Brunei Berhad, di-sini pagi Rabu lepas.

Ini ada-lah merupakan pertama kali-nya steshen terapong serupa ini di-gunakan bagi perkhidmatan penjual minyak di-perairan Brunei dan ternyata steshen2 ini kelak mampu memberikan khidmat yang lebih sempurna, ber-sistematik, dan yang paling penting ia-nya boleh menjamin keselamatan dengan baik jika di-bandingkan dengan sistem penjualan yang di-gunakan sebelumnya ini.

Awang Max Michie, Pengurus Sharikat Pemasaran Shell Brunei Berhad ketika di-temui baru2 ini menjelaskan yang terdapat 12 orang peniaga2 yang menjalankan perkhidmatan penjualan minyak di-sungai2 Brunei dan dari jumlah ini chuma lima sahaja yang tampil membuat pembelian steshen terapong yang baru ini.

Steshen2 perkhidmatan penjualan minyak yang dibena oleh sa-buah firma perkapalan di-Jorong Singapura itu berkemampuan membawa sa-hingga 30,000 gelen minyak dan berat-nya tanpa muatan ada-lah 95 tan dan pembikinan steshen tersebut di-akui oleh Biro Perkapalan Amerika, (American Bureau Shipping).

Steshen terapong tersebut masing2 di-daftarkan

dengan nama Seri Bintang Baru, dan Seri Steshen Lima, Seri Berbunut, Seri Langkawi dan Seri Baru Baru.

Pengurus Seri Bintang Baru, Haji Tengah bin Hashim, 61 tahun, dari Kampung Pintu Malim menjelaskan yang sharikat-nya sa-belum ini kebiasaannya menjual sa-hingga 40,000 gelen minyak dalam sa-bulan.

Untuk membeli steshen penjualan minyak terapong ini, Sharikat Seri Bintang Baru, menurut Awang Haji Tengah telah memperolehi pinjaman kewangan daripada salah sa-buah bank di-ibu negeri dengan di-kenakan faedah sa-banyak 13 peratus. "Sharikat ini walau bagaimanapun telah mendapatkan permohonan pinjaman daripada kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi untuk membayar balek hutang sharikat kepada bank memandangkan faedah yang di-kenakan ada-lah terlalu tinggi," kata Haji Tengah.

Sharikat Bintang Baru mula terlibat di-dalam perniagaan menjual minyak bagi pelanggan2 di-Kampung Ayer di-dalam tahun 1963.

Majlis pelancaran pada pagi itu di-mulakan dengan ucapan alu2an daripada Max Michie dan diikuti dengan ucapan daripada Awang Haji Mohammad Kassim yang juga telah menyempurnakan upacara menepong tawar kelima2 steshen tersebut.



Steshen minyak dahulu dan sekarang

KEADAAN bangunan salah sa-buah steshen minyak lama yang telah menjalankan perkhidmatan-nya sejak bertahun2 yang lalu ini ada-lah kepunyaan Awang Haji Tengah bin Hashim. Bayangkan-lah, bagaimana kegigihannya peniaga bumiputera menjalankan perusahaan sa-umpama ini, asalkan di-beri peluang! Berkat usaha-nya, kini Awang Haji Tengah telah mempunyai sa-buah steshen minyak terapong, sa-chara moden yang akan menjalankan perkhidmatan-nya di-Kuala Sungai Brunei, tidak berapa lama lagi. Sementara gambar paling bawah kiri, kelihatan Awang Haji Mohd Kassim sedang menepong tawar steshen minyak terapong di-majlis pelancaran tersebut.

SEMANGAT SUKARELA PERLU DALAM SHARIKAT KERJASAMA

KAMPONG KIUDANG, Daerah Tutong. — Bahaya yang akan timbul jika sa-bahagian besar anggota masharikat hanya mementingkan keuntungan untuk diri sendiri dan mengenyepikan langsung unsur2 semangat sukarela yang tidak berhaajatkan kepada keuntungan telah di-suarakan oleh Awang Mahmud Haji Bakyr, Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama pada hari Jumaat 24hb April lalu.

Peringatan untuk 'sama-sama beringat-ingat' itu telah di-sampaikan oleh beliau kepada ahli2 Sharikat Bas Sekolah KAMUDI dalam Mashuarat Agong Kali Kedua-nya bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Kiudang, sini.

Sharikat itu telah ditubuhkan dalam tahun 1968 dengan tujuan untuk mengambil alih kegiatan Persatuan Belia KAMUDI yang tidak lagi bergerak aktif. Kegiatan utama sharikat ada-lah mengendalikan perkhidmatan bas sekolah dengan menyewakan bas sharikat kepada Jabatan Pelajaran.

Pemangku Pesuruhjaya berkata, "Bahtera KAMUDI maseh ada kemudi dan anak buah-nya pun sa-makin ramai tetapi haluan-nya telah berubah ka-satu matalamat yang sa-bahagian besar-nya berlandaskan profit motive."

Sebab itu-lah, tambah beliau, di-samping kegiatan mencari usin untuk membina satu penghidup-

aku ada usin, aku punya fasal, kau inda ada usin, kau punya pasal."

"Kuchar kachir-lah ja-di-nya masharakat itu keran yang menentukan baik burok-nya sa-suatu itu bukan lagi pemikiran dan rasa muhibbah tetapi kuasa usin — the power of money," jelas beliau lagi.

Pemangku Pesuruhjaya itu mengharapkn supaya Persatuan Belia KAMUDI

an yang sempurna, patut-lah juga kegiatan itu di-seimbangkan dengan kegiatan2 amal sukarela. Kalau tidak akan ujud-lah satu masharakat bernafsu-nafsi: "kau-kau, aku-aku



KELIHATAN Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Zakaria sedang menyampaikan perisai kepada Johan membacha Al-Kor'an bahagian perempuan A, Dayang Jusnani bte Abas.

Guru2 di-seru:

JUJUR DAN DEDIKASI DALAM MENDIDEK — Peg. Daerah Temburong

PEKAN BANGAR. — Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Zakaria telah mengingatkan guru2 supaya bersifat jujur dan penoh dedikasi dalam mendidek murid2 yang dahagakan ilmu pengetahuan.

Kerana, guru2 ada-lah tenaga pengajar yang mempunyai peranan dan bertanggung-jawab dalam membentok murid2 itu untuk menjadikan raayat yang berguna, di-mana raayat yang berilmu pengetahuan, jelasnya, ada-lah sangat2 di-harapkan bagi kepentingan pembangunan negara.

Walau bagaimana pun, dalam hubungan ini, "tidak-lah sa-mesti-nya peranan dan tanggung-jawab itu di-serahkan bulat2 kepada pehak guru sa-mata2 kerana ibu-bapa juga memainkan peranan yang sama terutama dalam memberi kerjasama yang erat memajukan pelajaran murid2 itu," demikian tegas Pegawai Daerah Temburong ketika berucap merasmikan Peraduan Membacha Al-Kor'an dan Sharahan yang juga diselajorkan dengan Peraduan Nashid peringkat daerah, di-sini pada Khamis lepas.

Dalam majlis itu juga, beliau telah menyentoh tentang sikap murid2 yang selalu ponteng sekolah. Walau pun di-daerah itu, menurut-nya, perkara ponteng sekolah ini tidak begitu serious berlaku, hal-nya sa-bilangan kechil, tetapi sa-belum perkara itu menjadi-jadi maka ibu-

bapa telah di-nasehatkan supaya sentiasa mengadakan hubungan kerjasama yang erat untuk mengatasi masalah tersebut.

Mengenai dengan peraduan membacha Al-Kor'an yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Pelajaran Ugama, Awang Haji Zakaria berkata, bahawa usaha ini sangat penting dalam memupok minat murid2 yang maseh di-bangku sekolah dalam bidang pembachaan Al-Kor'an.

Sementara peraduan sharahan itu pula, adalah satu langkah yang baik untuk melateh murid2 supaya bijak dan petah berhujah dalam mengeluarkan pendapat2 yang bernas di-khalayak ramai. Kerana asohan sa-perti ini boleh melahirkan bakal2 pemimpin yang cheadas berfikir di-suatu masa nanti, demikian jelas beliau di-dalam majlis petang itu yang telah di-ada-



Awang Mahmud Haji Bakyr

dapat segera di-gerakkan sa-mula untuk mengim-bangkan kegiatan perniagaan Sharikat Bas Sekolah KAMUDI agar tidak berat sa-belah.

Mashuarat Agong Sharikat Kerjasama Nelayan Penanjong

KAMPONG PENANJONG, Daerah Tutong. — Sa-buah lagi sharikat kerjasama yang menjalankan perniagaan-nya menurut prinsip2 kerjasama demi meningkatkan lagi ekonomi ahli2-nya telah menampakkan kemajuan dengan memperolehi keuntungan yang memuaskan.

Kenyataan itu telah dibentangkan dalam Mashuarat Agong Kali Pertama Sharikat Kerjasama Nelayan Kampong Penanjong, Tutong pada 10hb April, 1981 yang lalu. Mashuarat Agong itu telah di-langsungkan di-Balai Raya Kampong Penanjong dan telah dirasmikan oleh Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Mahmud bin Haji Bakyr.

Sharikat kerjasama yang di-anggotai oleh 29 orang ahli yang kebanyakan-nya terdiri daripada nelayan sambilan itu telah di-daftarkan pada 14hb Januari, 1980 dan telah dapat memulakan perniagaan-nya pada 28hb Januari dalam tahun yang sama.

Pada tahun kewangan-nya yang berakhir 31hb Disember, 1980 ahli2 sharikat telah dapat memasarkan hasil tangkapan mereka melalui sharikat bernilai lebih 39 ribu ringgit. Dan sharikat telah memasarkan hasil tangkapan itu kepada orang ramai dengan harga yang berpatutan. Sa-telah ditolak perbelanjaan pengu-rusan, sharikat telah memperolehi untung bersih sa-jumlah \$5,757.37 yang sa-lepas Mashuarat Agong itu juga telah di-bahagi-bahagikan kepada ahli2 menurut perkiraan jumlah saham dan nilai tangkapan mereka.

Pemangku Pesuruhjaya mensifatkan keuntungan yang di-perolehi oleh sharikat itu sa-bagai memuaskan memandangkan kepada sharikat baru menjalankan perniagaan-nya kurang lebih sa-tahun dan

sa-bahagian besar masharikat terdiri daripada nelayan sambilan. Betapa sharikat kerjasama itu ka-di-uruskan dengan sempurna dapat memberi faedah kepada ahli2-nya dapat di-buktikan dengan kejayaan yang di-perolehi oleh Sharikat Kerjasama Nelayan Kampong Penanjong itu. Mithal-nya sa-orang ahli yang memilik modal saham bernilai \$20.00 dan beroleh tangkapan ikan bernilai \$1,500.87 telah mendapat bahagian keuntungan dividen dan bonos bernilai \$152.08. Ini bermakna dengan modal \$20.00 itu telah mendapat keuntungan tujuh kali ganda.

Malah ada sa-orang ahli yang memiliki modal saham bernilai \$50.00 tetap hasil tangkapan-nya tinggi telah mendapat bahagian keuntungan dividen dan bonos bernilai \$1,025.34.

Dengan faedah2 yang dapat di-neikmati oleh nelayan2 kalau mereka bergabung serta bantu-membantu dalam sa-buah sharikat kerjasama itu, Pemangku Pesuruhjaya mengharapkn ramai lagi nelayan penoh-masa di-Kampong Penanjong memasok sharikat kerjasama yang sudah tertubuh di-kampong tersebut.

"Dengan memasoki sharikat kerjasama itu harga ikan yang mereka jual kepada sharikat dapat dikawal supaya sa-bandir dengan titek peloh mereka, dan pada penghujung tahun titek peloh mereka itu akan mendapat ganjaran lagi dalam bentuk dividen dan bonos," tegas beliau.

Tiga Pegawai Kadet Wanita AMDB jalani kursus

BERAKAS. — Tiga orang Pegawai Kadet Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-United Kingdom awal Mei lalu untuk menjalani kursus WRAC Long Commissioning selama lebih kurang enam bulan di-Maktab Tentera Wanita Diraja, Surrey.

Mereka ia-lah 2000 Pegawai Kadet Wanita Sharifah Hazlina Syed Elham, 2001 Pegawai Kadet Wanita Sopiha Hossaini dan 2002 Pegawai Kadet Wanita Rosnani Haji Ismail.

Kursus bagi mereka telah bermula kelmarin, 5hb. Mei dan di-jangka akan berakhir pada 11hb Disember, 1981. Sementara itu, dua orang lagi anggota Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei dari Pusat Latihan akan berlepas ka-Hongkong pada 10hb. Mei depan untuk mengikuti kursus Jurulatih Bolasepak.

3991 Pegawai Warrant Yaakub bin Haji Othman dan 4775 L/Kpi Yusof bin Salim akan memulakan kursus tersebut pada 11hb. Mei, di-Hongkong Physical and Adventure Training Centre di-Kowloon, Hongkong.

Yunit Simpanan pileh wakil membacha Al-kor'an

GADONG. — Yunit Pulis Simpanan telah memilih dua orang wakil-nya ka-Peraduan Membacha Al-Kor'an di-perengkat Pasukan Pulis Diraja Brunei yang akan berlangsung di-Kompleks Sokan, ibu Pejabat Pulis Gadong pada 7hb. Mei depan. Johan qari yang telah terpilih itu ia-lah PC Bakri bin Othman dan bahagian qariah ia-lah Datin Dk. Mariam binte Pengiran Ahmad.

Peraduan bagi Yunit Pulis Simpanan yang di-adakan pada malam Jumaat lepas, telah di-rasmikan oleh Penguasa Kanan Pulis, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bin Awang Besar.

Sementara itu, Jabatan Hal Ehwal Ugama juga akan mengadakan Peraduan Membacha Al-Kor'an peringkat dewasa bagi Kawasan Brunei V pada bulan depan bertempat di-Masjid Kampong Bunut.



30 orang bertanding dalam gerak chepat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 30 orang pemain chator dari seluruh negeri telah bertanding dalam perlawanan chator gerak chepat yang di-jalankan di-Pusat Belia di-sini minggu lalu.

Perandingan itu adalah merupakan satu projek dua bulan sekali yang di-jorkan oleh Persatuan Chator Kebangsaan Brunei.

Dalam perlawanan yang berlangsung pada hari

tersebut kejohanan-nya telah di-menangi oleh Awg Mohammad bin Hj Wasli, kedua Ak Abd Rahman bin Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Mohammad Yusof dan ketiga Awang Mohammad bin Haji Damit.

PEMAIN2 yang mengambil bahagian masing2 dengan lawan mereka ketika memulakan permainan. Bawah kelihatan bagaimana Awang Morshidi bin Haji Mohd Salleh (kiri) kelihatan chuba berikhtiar mencari jalan yang mudah untuk menumpaskan lawan-nya yang bermain di-selelah kanan.



Perlawanan akhir tinju AMDB



KELIHATAN 6699 Perajurit Abdullah dari G Kompeni dan 6013 Perajurit Jumat dari F Kompeni dalam satu perlawanan tinju antara Kompeni yang di-adakan baru2 ini di-Perkhemahan Tutong.

Perlawanan akhir Hoki Sekolah2 Men. Bawah



KEBAJIKAN DAN SOKAN PEJ. DAERAH LANTEK J/K

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan akhir hoki sekolah2 menengah bawah seluruh negeri di-jangka berlangsung akhir bulan ini. Sa-orang juruchakap penganjur menyatakan tempat bagi perlawanan tersebut akan ditetapkan kemudian.

Perlawanan itu adalah merupakan kali yang ka-19 di-anjorkan oleh Bahagian Latchan Jasmani Jabatan Pelajaran Brunei dan akan terbahagi kepada empat bahagian.

Johan dalam bahagian perempuan 'A' akan menangi piala rebutan yang di-sumbangkan oleh Pengetua SIPW, Awang O.R. Robert, perempuan 'B' piala dari Bekas Pegawai Tanah Belait, Awang Abd Rahman bin Hj Kani, lelaki 'A' dari Pengetua SISB, Awg C.H. Gallop dan lelaki 'B' dari Bekas Nadzir Sekolah2 Tutong, Awang Haji Abdullah PDP Hj Abu Bakar.

Pada ketika ini sekolah2 di-daerah Brunei Muara telah mengadakan beberapa perlawanan bagi memilih wakil daerah ka-perlawanan yang akan di-adakan itu nanti.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Badan Kebajikan dan Kesokanan, Pejabat Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan mashuarat agong-nya bertempat di-Dewan Bandaran di-sini pada 25hb. April lalu.

Mashuarat tersebut ialah bagi melantik Ahli2 Jawatankuasa Tadbir baru tahun 1981/1982.

Awang Haji Adenan bin Pehin Datu Panglima Haji Abu Bakar, Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara selaku pengerusi badan tersebut mengharapkan kepada ahli2 jawatankuasa baru yang di-lantik supaya akan dapat melipat-gandakan apa2 jua kegiatan yang berkaitan dengan kesokanan dan kebajikan se-

laras dengan kehendak2 badan tersebut.

Awang Haji Adenan juga menjelaskan bahawa sejak tertubuh-nya badan itu ia-nya telah dapat mencapai beberapa perkembangan dan kemajuan antara-nya termasuklah kegiatan2 kesokanan seperti permainan bolasepak, sepak takraw, badminton dan lain2 perkara kebajikan.

Semua aktiviti2 yang di-chapai itu, kata-nya, adalah hasil inisiatif dan kerjasama dari ahli2 di-mana dengan pimpinan mereka yang cekap dan penoh bertanggung-jawab serta amanah itu telah dapat melaksanakan pergerakan badan tersebut dengan sempurna-nya.

Di-mashuarat pada pe-

tang itu sa-ramai 12 orang telah di-lantik selaku ahli2 jawatankuasa termasuk enam orang ahli jawatankuasa biasa bagi tempoh tahun 1981/1982.

Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Pegawai Daerah Brunei dan Muara telah di-lantik selaku Penasehat dan Penaong sementara Awang Muhammd Syai-puddin bin Haji Abdullah sa-bagai timbalan Pengerusi.

Awang Tamit bin Hanafiah di-lantik sa-bagai Setiausaha dan Timbalan-nya ia-lah Awangku Mohd. Taib bin Pg Duraman. Jawatan Bendahari telah di-sandang oleh Ag Bakir bin Pehin Penyurat Haji Omar dan Timbalan-nya Ag Mohd Zainin bin

Abu Bakar.

Selaku Ketua Seksi Ugama dan Kebajikan ia-lah Awang Haji Baha bin Haji Kamis, Ketua Seksi Sosial Kesenian dan Kebudayaan ia-lah Awang Abd Malik bin Haji Ali-ahmad, Ketua Seksi Sokan dan Olahraga ia-lah Awg Zafar bin Shamsuddin manakala selaku Pemereksa Kira2 ia-lah Awang Hj Asbi bin Khatib Abdullah dan Awang Haji Morshidi bin Haji Mohd Yusof.

Sementara ahli2 jawatankuasa biasa terdiri dari Pengiran Bakar bin Pg Chuchu, Awang Jamudin bin Haji Lisa, Awang Jumat bin Haji Saban, Awg Ali Othman bin Awg Besar, Dayang Alimah bte Hashim dan Dayang Gosni binte Hj Abdul Wahab.

BERAKAS. — Perlawanan Perengkat Akhir Tinju Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan berakhir esok, 7hb. Mei, bertempat di-Dewan Gerak Badan pasokan tersebut di-sini.

Perlawanan yang merupakan aktiviti tahunan bagi pasokan AMDB itu telah pun bermula Isnin lalu, dalam mana semua unit pasokan telah menghantar wakil masing2.

Antara yang mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut termasuklah petinju dari Battalion Kedua. Sementara itu, beberapa orang lagi dari battalion tersebut telah terpilih bagi mengambil bahagian dalam perlawanan terbuka.

Mereka ada-lah pemenang dalam perlawanan antara kompeni2 yang telah berlangsung awal minggu lalu di-Dewan Gerak Badan Battalion Kedua di-Perkhemahan Tutong, dalam mana F Kompeni telah munchol sa-bagai johan. Perlawanan antara Kompeni yang di-adakan di-Perkhemahan tersebut telah di-akhiri dengan satu upacara penyampaian hadiah.

RANCHANGAN

TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU — 6HB. MEI.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 NATURE OF THINGS
- 5.30 JOSIE AND THE PUSSYGATS IN OUTER SPACE
- 6.00 BERITA
- 6.05 REBECCA OF SUNNYBROOK FARM (siri terakhir)
- 6.28 BENGKEL KANAK2
- 6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
- 6.39 BENGKEL KANAK2 (sambongan)

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 DALLAS — "Lover Come Back" Segala2-nya menguntungkan J.R. dalam menaikkan semula Ewing Oil dan untuk menyenangkan hati bapa-nya, tetapi Jock juga mempunyai sa-suatu yang menghairankan bagi keluarga-nya.
- 7.43 AZAN ISHA
- 7.47 DALLAS — sambongan
- 8.11 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MERAJ
- 8.40 MAJALLAH BRUNEI
- 9.00 CONCRETE COWBOYS (siri baru) Dua orang koboi Montana yang bebas dan gemar bersuka2 menuju ka-Nashville dan mendapati diri mereka dalam kesulitan di-bandar besar ini dengan berbagai keadaan suka dan duka.
- 9.50 THE FRENCH ATLANTIC AFFAIR (bahagian kedua)
- 11.30 SIARAN TAMAT.

KHAMIS — 7HB. MEI.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA
- 6.05 TOM AND JERRY
- 6.28 MYSTERIOUS WORLD
- 6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
- 6.39 MYSTERIOUS WORLD — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE DELPHI BUREAU — "The Face that Never was Project" Sa-buah pita rakaman yang terpasang membolehkan ejen Glenn Garth Gregory menghalang satu pembunuhan

kejam dan mendedahkan satu penipuan dalam kerajaan.

- 7.43 AZAN ISHA
- 7.47 THE DELPHI BUREAU — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MERAJ
- 8.40 HIDAYAT
- 9.10 DUNIA MINGGU INI
- 9.40 THREE'S COMPANY
- 10.10 THE OMEGA FACTOR
- 11.00 GREAT WESTERN THEATRE
- 12.15 SIARAN TAMAT.

JUMAAT — 8HB. MEI.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 FOLLOW ME
- 5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE
- 5.30 SCOOPY DOO AND SCRAPPY DOO
- 6.00 BERITA
- 6.05 ABC INTERNATIONAL
- 6.28 THE MUPPETS
- 6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
- 6.39 THE MUPPETS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 POP IN GERMANY
- 7.43 AZAN ISHA
- 7.47 POP IN GERMANY — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MERAJ
- 8.40 MUDA BELIA
- 9.10 SOAP — Ep. 2-
- 9.40 ROAD TO WEMBLEY
- 10.30 QUINCY — "The Money Plague"
- 11.20 SIARAN TAMAT.

SABTU — 9HB. MEI.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THE MERRIE MELODIES SHOW — Ep. 16
- 6.28 BEWITCHED — Ep. 255 "Samantha's Psychic Flips"
- 6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
- 6.39 BEWITCHED — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 MAGNUM — "China Doll" Sa-orang gadis China yang jelita me-



THE SANDBAGGERS — Siri ini di-bintangi oleh Ray Lonnen (kiri) dan Michael Cashman (tengah) memegang peranan sa-bagai The Sandbaggers, yang di-ketuai oleh Neil Burnside di-lakukan oleh Roy Marsden (kanan).

ngambil bekerja Magnum untuk melindungi sa-buah kendi yang bernilai yang begitu di-ingini oleh orang2 Komunis dan puak2 Nasional negeri-nya.

- 7.43 AZAN ISHA
- 7.47 MAGNUM — sambongan
- 8.30 CHERAMAH MERAJ
- 8.40 MAJALLAH BRUNEI
- 9.00 INILAH LAGU KU
- 9.35 ACHARA KEMUNCHAK PIALA FA 1981 MELALUI SATELLITE BUMI (Siaran langsung)
- 11.35 HAMMER HOUSE OF HORROR
- 11.15 SIARAN TAMAT.

AHAD — 10HB. MEI.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 BRASS IN CONCERT
- 5.30 THE ADVENTURES OF SUPERMAN
- 6.00 BERITA
- 6.05 CHILDREN'S FEATURES PACKAGE
- 6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
- 6.39 CHILDREN'S FEATURES PACKAGE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE INCREDIBLE HULK —
- 7.43 AZAN ISHA
- 7.47 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MERAJ
- 8.40 THE BOSOM BUDDIES
- 9.10 REGIONAL FINALS
- 9.55 RUNNING BLIND
- 11.25 SIARAN TAMAT.

ISNIN — 12HB. MEI.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 FOLLOW ME
- 5.15 SUPER SEVEN

- 5.35 AUDUBON WILDLIFE THEATRE
- 6.00 BERITA
- 6.05 TARZAN — "The Three Faces of Death"
- 6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
- 6.39 TARZAN — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 CHARLIE'S ANGELS — "He married An Angel" The Angels di-tugaskan oleh Barbara Stone dan adek-nya, Jane untuk mengekori John Thornwood yang telah menipu-nya \$100,000 dengan berjanji untuk mengahwini Jane dan memujanya melaborkan wang dalam satu usaha penggalian minyak yang palsu.
- 7.43 AZAN ISHA
- 7.47 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MERAJ
- 8.40 MAJALLAH BRUNEI
- 9.00 US MASTER GOLF 1981
- 9.50 WHICKERS WORLD
- 10.40 HILL STREET BLUES
- 11.25 SIARAN TAMAT.
- 11.15 SIARAN TAMAT.


SELASA — 11HB. MEI.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 THE MUNCH BUNCH
- 5.15 HANDFUL OF SONGS
- 5.30 AQUAMAN
- 6.00 BERITA
- 6.05 BLAKE'S SEVEN
- 6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
- 6.39 BLAKE'S SEVEN — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 240 ROBERT
- 7.43 AZAN ISHA
- 7.47 240 ROBERT — sambongan
- 8.30 CHERAMAH MERAJ
- 8.40 ARENA SOKAN
- 9.10 BIG MOVIE
- 11.10 THE ASSOCIATES
- 12.00 SIARAN TAMAT



QUINCY "The Money Plague".



UJI-LAH BAHASA KITA

RANCHANGAN yang kedua ini akan menampilkan lagi dua buah pasokan yang mewakili sekolah menengah bawah.

Sekolah2 itu ia-lah diantara Sekolah Menengah Melayu SMJA bertemu dengan Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar.

Awda pelajar yang ingin mengikuti siaran-nya jangan lupa dengarkan siaran Melayu kita pada hari Jumaat ini jam 10.30 pagi.



17HB MEI

...an sa-mula jadi Che'gu
...e menunjukkan dan ber-
...hal pokok pisang.

...LANGAN KAP KAP
...46.

15HB MEI

...UDANG
...ini di-muati dengan akti-
...MOLA TUMBOK, KER-
...AN, SI-MANIS, BER-
...ENGATOR GAMBAR dan
...SAKTI.

...Che'gu Rokiah hari ini
...helikopter.

16HB MEI

...UDANG 347.
...ini di-muati dengan akti-
...KUT KETUA, YANG
...GAJIL AMIN, MAIN KE-
...MAIN BANG dan CHERMIN

...ULANGAN KAP KAP
...347.

17HB MEI

...UDANG
...changan kali ini Che'gu Ro-
...nak2 akan membuat aktiviti2
...MAIN KUDA, LIHAT DAN
...PA' LONG, AMIN, SIRI
...AN dan CHERMIN SAK-

...permulaan, Che'gu Rokiah
...dan menunjukkan ber-



RAMPAISARI sentiasa membuka pintu-nya kepada pendengar-pendengar-nya untuk menyertai, yang ingin menyampaikan hasil karya renchana panduan untuk sa-hari2, pengalaman atau petua2 yang ada dan di-samping itu juga Rampaisari sentiasa chuba menyiarkan berbagai bentuk petikan renchana yang meliputi sa-tiap aspek yang di-rasakan berfaedah dan berguna kepada pendengar-nya.

Minggu ini keluaran-nya yang ka-sepuluh, pada hari Sabtu 9hb Mei, ia-nya akan memuatkan berbagai topik, petikan renchana, petua dan lain2, dan khusus untuk awda yang gemar makan rojak India, Rampaisari berkesempatan menemui salah sa-orang tukang masak India di-sebuah kedai makan di-bandar kita.

Gambar menunjukkan salah sa-orang tukang masak tersebut menyediakan rojak untuk pelanggan-nya.

Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

Mulai dari 6hb. hingga 12hb. Mei 1981

RABU

PAGI: 6.00—Allah peliharaan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian—dendang suria; 8.30—Majallah radio (su); 9.00—Lagu dan senikata; 9.30—Permintaan pagi Rabu; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Surat dari London; 10.30—Autograph pendengar; 1.00—Taman mekar (su); 11.30—Bingkisan tanah ayer (su). T/HARI: 12.00—Rampai tengah hari—Azan fardhu dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Penyanyi harapan; 1.30—Hiboran menjelang rehat. PETANG: 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Pilehan irama; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung asli; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00—Serbanika hiboran (su); 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Untok belia; 9.00—Permintaan sukarai; 9.30—Apa pilehan awda; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachan ayat2 suchi Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00—Allah peliharaan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30—Majallah radio (su); 9.00—Dendang antarabangsa; 9.30—Rampai sari hiboran (su); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Rampai London (su); 10.30—Permintaan sukarai; 11.30—Ruangan ketani (su). T/HARI: 12.00—Lagu2 Melayu asli—Azan fardhu dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitra wara (su); 1.30—Hiboran menjelang rehat. PETANG: 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Majallah ugama/Petikan soal jawab ugama; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Lagu2 nasehat; 6.00—Siri Mukkadam, Bingkisan hari ini, menunaikan sembahyang fardhu maghrib; MALAM: 7.00—Bachan surah yassin-Talil/Irama dakwah; 7.30—Bimbingan Al-Kor'an—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Sandiwar radio (su); 9.00—Tafsir Al-Kor'an; 9.30—Hidayat; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachan ayat2 suchi Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: 6.00—Allah peliharaan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 6.45—Menyanyikan lagu Kebangsaan Brunei; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30—Pertanian; 9.00—Pelajaran dewasa di-udara; 9.30—Tafsir Al-Kor'an (su); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Soalan di-udara; 10.30—Dari kampung ka-kampung; 11.00—Bimbingan Al-Kor'an (su); 11.30—Keluaga jaya. T/HARI: 12.00—Lagu2 Dakwah; 12.15—Bachan ayat2 suchi Al-Kor'an; 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Juma'at; 1.15—Qasidah/lagu Melayu asli; 1.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45—Mutia gambus. PETANG: 2.13—Membachakan susunan ranchangan; 2.15—Varia peristewa; 2.30—Ruangan ketani; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Apa pendapat awda/hiboran; 3.30—Focus Radio—Azan fardhu asar; 4.00—Tunas pendidek (su); 4.30—Chitrawara; 4.58—Membachakan susunan ranchangan; 5.00—Gurindam lagu; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Suntingan khutbah Juma'at; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00—

Cherpen dan selokan-nya; 7.30—Majallah Radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Mari berpantun (su); 9.00—Mutika/petikan dari filem (su); 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachan ayat2 suchi Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00—Allah peliharaan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian—dendang suria; 7.30—Pada hemat saya—dendang suria; 8.30—Majallah radio (su); 9.00—Soalan di-udara; 9.15—Dendang antarabangsa; 9.30—Tetamu minggu ini (su); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Varia peristewa (su); 10.30—Serbanika hiboran (su); 11.00—Focus radio (su); 11.30—Apa pendapat awda/hiboran. T/HARI: Rampai tengah hari—Azan fardhu dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitra Irama; 1.30—Lagu dan senikata. PETANG: 2.00—Permintaan hujung minggu; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Hiboran pilehan; 3.30—Cherpen dan selokan-nya—Azan fardhu asar; 4.00—Mutia asli; 4.30—Pelajaran dewasa di-udara (su); 5.00—Irama gembira; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung lagu2 lama; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00—Mutia gambus (su); 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Drama dalam shaer (su); 9.00—Hidangan lagu2 irama hindustan; 9.30—Titian budaya (su); 9.45—Ircna keroncong; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachan ayat2 suchi Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00—Allah peliharaan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 8.30—Majallah Radio (SU); 9.00—Taman mekar; 9.30—Dunia Wanita; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Doctor Radio; 10.30—Pop minggu ini; 11.00—Titian budaya; 11.30—Pancharagam tempatan. T/HARI: 12.00—Sandiwar Radio—Azan fardhu dzohor; 12.30—Rampai tengah hari; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Permintaan dua station. PETANG: 2.00—Membachakan susunan ranchangan; 2.02—Mutika/Petikan dari filem; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Mari berpantun—Azan fardhu asar; 3.45—Drama dalam shaer; 4.30—Sokan dan olabraga; 4.58—Membachakan susunan ranchangan; 5.00—Pilehan juruhebah; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung lagu2 gazal; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00—Gurindam lagu; 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Suara perajurit; 9.30—Permintaan lagu2 60an; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachan ayat2 suchi Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00—Allah peliharaan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30—Majallah radio (su); 9.00—Rampai sari hiboran; 9.30—Dendang antarabangsa; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Berdendang dengan ku; 10.30—Sain dan perusahaan; 11.00—Album penyanyi; 11.30—Bingkisan tanah ayer. T/HARI: 12.00—Komitar radio; 12.15—Lagu2 rampai—Azan fardhu dzohor; 12.30—Rampai joget; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Permintaan sukarai. PETANG: 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Lagu2 nasehat; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama senja; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00—Album penyanyi (su); 7.30—Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Pancharagam tempatan; 9.00—Keluar jaya (su); 9.30—Permintaan sukarai; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachan ayat2 suchi Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

hor; 12.30—Rampai joget; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Permintaan sukarai. PETANG: 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Hiboran pilehan; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung lagu2 asli; 6.00—Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00—Penyanyi harapan; 7.30—Tunas pendidek—Azan fardhu isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Chitra irama (su); 9.00—Pertanian; 9.30—Mutia asli (su); 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita; 10.05—Suntingan hidayah; 10.07—Bachan ayat2 suchi Al-Kor'an—Do'a restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

SELASA

